

20/02/2000

Shahidan pertikai sikap rakyat benci pemimpin

KANGAR: Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim mempertikaikan sikap sesetengah rakyat negara ini yang membenci pemimpin tertentu, biarpun diakui pemimpin itu telah banyak berjasa kepada bangsa dan negara.

Malah, katanya, bagi golongan atau individu yang terbabit semua kebaikan dan jasa yang telah disumbangkan oleh pemimpin itu langsung tidak dihargai, sebaliknya dicaci dan difitnah sesuka hati.

"Bagi saya, golongan ini memang sudah rosak fikiran dan pemikirannya.

"Jadi mereka tidak mempunyai niat lain melainkan mahu melihat perpaduan di kalangan masyarakat atau rakyat negara ini rosak, berpecah dan bermusuhan serta menjadikan negara ini tidak lagi aman seperti sekarang," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Mesra dan Jamuan Makan Malam bersama Warga Kanan di Dataran Sena Indah, di sini, malam tadi.

Isterinya, Datin Seri Shamsiah Mohd Yassin; Setiausaha Kerajaan Negeri, Abdul Latib Omar; Ahli Parlimen Kangar dan Arau, Tan Sri Dr Abdul Hamid Pawanteh dan Mastika Junaidah Hussain turut hadir bersama lebih 1,000 jemputan, termasuk warga kanan yang diraikan.

Shahidan berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri hairan mengapakah masih ada rakyat negara ini yang begitu membencinya sedangkan PM sudah begitu berjasa kepada negara ini.

"Apa lagi yang mereka mahu. PM sudah melakukan yang terbaik dan paling besar jasanya, ketika ini ialah membawa negara keluar daripada krisis ekonomi.

"Kita lihat, melalui kepemimpinan dan kebijaksanaannya negara kita sudah hampir pulih ekonomi, pertumbuhan ekonomi semakin memberangsangkan malah kepemimpinannya begitu dikagumi oleh pemimpin dunia.

"Saya juga hairan dengan segelintir rakyat Perlis, khususnya yang menyokong pembangkang terus melemparkan fitnah dan membencinya.

"Saya nak tanya mereka, apa sangat sumbangan pembangkang kepada mereka dan negeri ini sehingga mereka lupa semua jasa kerajaan, termasuk apa yang dibuatnya selama ini.

"Apa yang menghairankan ialah pemimpin parti pembangkang sanggup berbohong kepada rakyat dengan mendakwa pelbagai projek yang dilaksanakan kerajaan di kawasan yang di kuasai pembangkang itu adalah hasil usaha mereka (pembangkang)," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata, kerajaan negeri akan terus berusaha mengekalkan keharmonian dan perpaduan di kalangan rakyat berbilang kaum di negeri itu.

(END)